



## **PRESS RELEASE – COMPETITION COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM (CCBD)**

### **CCBD Cautions Against Price-Setting Restrictions on Vendors at Markets and Festivals**

**[27 May 2026]**

1. The Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD) would like to remind event organisers and participating vendors that coordinating prices among vendors, or requiring vendors to price goods at certain levels at food festivals, pop-up markets and similar events may run the risk of infringing the Competition Act (Chapter 253).
2. Such events have grown increasingly common in Brunei Darussalam, and it would typically bring together many independent vendors offering similar goods. Competition among these vendors benefits consumers through fair prices and greater choice. However, the terms set by organisers for participating vendors may sometimes restrict how those vendors price their goods, such as by requiring a minimum selling price. Terms of this nature raises concerns under section 11 of the Competition Act.
3. Section 11 of the Competition Act prohibits agreements that prevent, restrict or distort competition, including those that fix prices. When an organiser sets terms dictating what vendors may or may not charge, those terms restrict each vendor's ability to price its own goods and to compete. Arrangements of this nature may amount to indirect price-fixing.
4. The objective is not to impose regulation unnecessarily, but to ensure that businesses compete independently and fairly, allowing consumers to benefit from genuine competition through fair prices, better choices and improved value, rather than facing artificially coordinated pricing.
5. Event organisers should therefore avoid including terms and conditions such as minimum prices, recommended prices, or any other terms that influence how vendors set their prices. While organisers may compete to attract vendors and visitors to their events, businesses or vendors should remain free to set prices independently, based on its own costs and business judgement. Organisers are



- also encouraged to remind and educate participating vendors on the importance of complying with the Competition Act and avoiding price coordination practices.
6. Members of the public may report suspected price fixing conduct to the CCBD via the CCBD lodge complaint portal at [www.ccbd.gov.bn/lodge-complaint/](http://www.ccbd.gov.bn/lodge-complaint/)
  7. The CCBD takes anti-competitive conduct seriously and will not hesitate to take action, including formal investigation, where such conduct is found. The CCBD remains committed to promoting and protecting competition to enhance economic efficiency and better consumer welfare.

#### **About the Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD)**

The CCBD enforces the Competition Act (Chapter 253) in Brunei Darussalam, which prohibits anti-competitive agreements, abuse of dominant position, and anti-competitive mergers that have resulted, or may be expected to result, in a substantial lessening of competition within any market in Brunei Darussalam for goods and services that are prohibited. For more information, please visit [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) or contact the CCBD Executive Secretariat at [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn) or +673 2383100.



## CCBD Mengingatkan Mengenai Sekatan Penetapan Harga Terhadap Vendor di Pasar dan Festival

[27 Mei 2026]

1. Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) ingin mengingatkan para penganjur acara dan vendor bahawa penyelarasan harga antara vendor, atau mewajibkan vendor menetapkan harga barangan pada paras tertentu di festival makanan, pasar pop-up dan acara seumpamanya berkemungkinan berisiko melanggar Akta Persaingan (Penggala 253).
2. Festival makanan, pasar pop-up dan acara seumpamanya kini menjadi semakin lazim di Negara Brunei Darussalam, dan biasanya menghimpunkan pelbagai vendor bebas yang menawarkan barangan yang serupa. Persaingan di antara vendor ini memberi manfaat kepada pengguna melalui harga yang lebih kompetitif serta pilihan yang lebih luas.
3. Walau bagaimanapun, CCBD menegaskan bahawa terma-terma yang dikenakan oleh penganjur, seperti penetapan harga jualan minimum, boleh menyekat kebebasan vendor dalam menentukan harga barangan mereka. Terma sedemikian boleh menimbulkan kebimbangan di bawah Bab 11 Akta Persaingan.
4. Bab 11 Akta Persaingan melarang sebarang perjanjian yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan, termasuk perjanjian yang melibatkan penetapan harga. Apabila penganjur mengenakan terma berhubung harga yang boleh atau tidak boleh dikenakan oleh vendor, terma sedemikian menghadkan kebebasan setiap vendor untuk menentukan harga barangan mereka secara tersendiri serta bersaing secara adil. Terma sebegini secara tidak langsung boleh dianggap sebagai penetapan harga yang di larang di bawah Bab 11 Akta Persaingan.
5. Tujuan bagi perkara ini bukan untuk mengenakan kawal selia secara tidak perlu, tetapi untuk memastikan vendor bersaing secara bebas dan adil, sekali gus membolehkan pengguna menikmati manfaat persaingan yang sebenar melalui harga yang berpatutan, pilihan yang lebih banyak serta nilai yang lebih baik, dan bukannya berdepan dengan harga yang diselaraskan secara buatan.
6. Oleh itu, penganjur acara hendaklah mengelakkan daripada memasukkan terma dan syarat seperti harga minimum, harga yang disyorkan, atau apa-apa syarat lain



yang mempengaruhi cara vendor menentukan harga secara sendiri berdasarkan kos dan pertimbangan perniagaan masing-masing. Penganjur juga digalakkan untuk mengingatkan serta mendidik vendor yang mengambil bahagian mengenai kepentingan mematuhi Akta Persaingan dan mengelakkan amalan penyelarasan harga.

7. Orang ramai boleh melaporkan sebarang kecurigaan berkaitan penetapan harga kepada CCBD melalui portal aduan CCBD di [www.ccbd.gov.bn/lodge-complaint/](http://www.ccbd.gov.bn/lodge-complaint/).
8. CCBD memandang serius sebarang perlakuan anti-persaingan dan bersedia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya, termasuk penyiasatan rasmi, sekiranya perlakuan sedemikian dikenal pasti. Di samping itu, CCBD kekal komited untuk mempromosikan dan melindungi persaingan bagi meningkatkan kecekapan ekonomi serta kesejahteraan pengguna.

#### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD)**

CCBD menguatkuasakan Akta Persaingan (Penggagal 253) di Negara Brunei Darussalam, yang melarang perjanjian anti-persaingan, penyalahgunaan kedudukan dominan, serta penggabungan anti-persaingan yang telah berlaku, atau mungkin dijangka berlaku, dalam persaingan yang banyak berkurangan di dalam mana-mana pasaran di Negara Brunei Darussalam bagi barang-barang atau perkhidmatan yang dilarang. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) atau hubungi Sekretariat Eksekutif CCBD di [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn) atau +673 2383100.